

Abdullah mahu negara aman, selamat

BH-9/3/2007
KUALA LUMPUR: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, beliau mengimpikan sebuah negara yang aman dan selamat untuk didiami serta bebas daripada persengketaan kaum dengan rakyat mengamalkan sikap bertimbang rasa.

Sehubungan itu, Perdana Menteri mahu semua pihak, termasuk pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan persatuan penduduk memainkan peranan masing-masing bagi memastikan negara sentiasa aman serta selamat untuk mencari rezeki.

Selain itu, katanya, Kuala Lumpur sebagai ibu negara perlu dijadikan sebagai kawasan yang aman dan selamat serta bebas daripada setinggan.

"Saya sudah berbincang dengan Ketua Polis Negara, Tan Sri Musa Hassan, berhubung isu keselamatan kerana saya mahu masyarakat berasa aman dan selamat apabila tinggal di Kuala Lumpur," katanya ketika merasmikan projek Pantai Sentral Park di Pantai Dalam, di sini, semalam.

Abdullah berkata, jika masalah setinggan masih wujud, Kuala Lumpur yang diiktiraf sebagai bandar raya terbaik di dunia tidak dapat dimajukan dengan cepat.

"Oleh itu, selain projek perumahan, kemudahan lain perlu diberi perhatian di Kuala Lumpur bagi membolehkannya menjadi bandar raya bersih, indah, sekali gus menceriakan warganya," katanya.

Beliau berkata, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) pula perlu merancang dengan lebih berkesan untuk menyiapkan sesuatu projek dalam masa ditetapkan dengan memberi keutamaan kepada projek perumahan kos rendah.

Katanya, pemaju perumahan perlu mempercepatkan pembinaan rumah kos rendah berbanding rumah kos tinggi bagi kepentingan rakyat berpendapatan rendah.